

Elak kawasan berisiko tinggi: PM

W/E: 5

BH - 20/12/2022

Semua diminta berwaspada, PBT diarah tingkat keselamatan tapak peranginan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesa semua pihak berwaspada dan mengelakkan kawasan berisiko tinggi, sepanjang musim tengkujuh dan monsun ketika ini.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) ju-

ga diarah untuk memantau dan mempertingkatkan keselamatan di tapak peranginan di negeri masing-masing.

“Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) memaklumkan mengenai Monsun Timur Laut 2022/2023 dan hujan berterusan dijangka akan berlaku di Pantai Timur Semenanjung dan timur Sabah, bermula pada 17 Disember 2022 yang lalu,” katanya ketika membentangkan usul khas di Dewan Rakyat, semalam.

Ketika membentangkan usul itu, Anwar turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi penyelamat, terutama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angka-



Beberapa penduduk Kampung Wakaf Stan, Kota Bharu dipindahkan ke PPS berhampiran selepas rumah mereka dinaiki air berikutan hujan lebat sejak Sabtu lalu.

(Foto BERNAMA)

tan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), RELA dan juga pasukan khas lain khususnya dalam tragedi tanah runtuh di Batang Kali, Selangor.

Hargai petugas

Selain itu, katanya, penghargaan juga diberikan kepada agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan

Kerja Raya, Majlis Perbandaran Hulu Selangor, kerajaan Selangor dan Telekom Malaysia.

“Hampir 700 anggota daripada 16 agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri terbabit dalam operasi mencari dan menyelamatkan serta pengurusan lain di tempat kejadian, sebaik sahaja pos kawalan tempat kejadian dibuka hingga ke hari ini,” katanya.

Situasi banjir di negeri Pantai Timur ketika ini semakin buruk,

sementara di Pahang, sehingga tengah semalam, seramai 561 mangsa banjir daripada 138 keluarga berada di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kuantan dan Raub.

Keadaan banjir di Terengganu pula menyaksikan jumlah mangsa yang dipindahkan ke PPS sudah mencecah 11,059 orang setakat jam 6 pagi semalam, menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Terengganu.